



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (100)

Tarikh: 4 Disember 2025

MBPJ ANJUR ANUGERAH PREMIS MAKANAN DAN TANDAS BERSIH 2025, PERKASA STANDARD “BMW” DI PETALING JAYA

Petaling Jaya, 4 Disember 2025 – Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Aznan bin Hj. Hassan telah merasmikan **Majlis Anugerah Premis Makanan dan Tandas Bersih 2025** anjuran Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang berlangsung di Hotel Hilton, Petaling Jaya, hari ini.

Penganjuran anugerah ini bertujuan **mengiktiraf pengusaha premis makanan dan pengendali tandas awam** yang mencapai standard **Bersih, Menawan dan Wangi (BMW)**, di samping meningkatkan kesedaran kepentingan penjagaan kebersihan secara konsisten serta mengelakkan tindakan penguatkuasaan.

Sebanyak **58 anugerah** disampaikan merangkumi **43 penerima kategori Premis Makanan** dan **15 penerima kategori Tandas Awam**. **Kategori Premis Makanan** meliputi restoran berhawa dingin dan tidak berhawa dingin, dapur hotel, kafe dan bakeri, restoran makanan segera, kompleks beli-belah, medan selera swasta, gerai individu MBPJ serta kantin sekolah rendah dan menengah.

Sementara itu, **kategori Tandas Awam** merangkumi sekolah (SK dan SMK), terminal pengangkutan awam, rumah ibadah, hotel, IPTA/IPTS, kompleks beli-belah, pejabat kerajaan, kawasan Rehat dan Rawat (R&R) serta stesen minyak.

Penilaian penerima dibuat berdasarkan pencapaian tahap kebersihan bertaraf A dan kebersihan cemerlang mengikut kriteria Penarafan Bintang Kebersihan Tandas Awam “BMW” KPKT, termasuk elemen keistimewaan (wow factors). Penjurian akhir dikendalikan secara profesional oleh wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), KPKT, Majlis Bandaraya Subang Jaya, Majlis Bandaraya Shah Alam, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling serta jabatan dalaman MBPJ.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya berkata, kebersihan mencerminkan keperibadian komuniti dan merupakan tanggungjawab bersama.

“Penjagaan tandas awam memerlukan pendekatan Whole of Society Approach bagi memastikan transformasi tandas yang kurang memuaskan kepada tandas bertaraf BMW dapat direalisasikan. MBPJ komited mewujudkan persekitaran yang selamat, hijau dan bersih selaras budaya masyarakat,” katanya.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](#)

Beliau turut menegaskan bahawa kebersihan premis makanan bukan sahaja menjamin kesihatan, malah meningkatkan keyakinan pengguna serta memperkukuh imej bandar raya sebagai destinasi pelancongan.

Majlis ini diharap menjadi pemangkin mencapai aspirasi Malaysia MADANI melalui penyediaan tandas BMW di seluruh Petaling Jaya, selain memupuk pengurusan kebersihan dan kesedaran sivik dalam kalangan masyarakat.

Terdahulu, pada **20 November 2025**, **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming** mengumumkan pelaksanaan garis panduan baharu secara berfasa bagi meningkatkan standard kebersihan tandas negara pada **Majlis Penganugerahan Tandas Terbaik KPKT (TOTYA) 2025** di Kuala Lumpur.

Mulai **2026**, hanya premis dengan **tandas bersih yang memenuhi standard minimum layak menerima kelulusan lesen perniagaan daripada PBT**. Garis panduan ini turut menetapkan nisbah minimum kemudahan tandas bagi premis perniagaan dan bangunan awam, iaitu sekurang-kurangnya satu tandas lelaki dan dua tandas perempuan.

Pelaksanaan garis panduan dibuat secara berfasa mengikut kategori PBT – bermula dengan Majlis Bandaraya (2026), Majlis Perbandaran (2027) dan Majlis Daerah (2028). Langkah ini diyakini dapat memastikan standard BMW menjadi norma nasional menjelang **Tahun Melawat Malaysia 2026**.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بڼداراي پتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (101)

Tarikh: 4 Disember 2025

MBPJ RAI KEJAYAAN SOH WAI CHING SEBAGAI PELARI MENARA NOMBOR 1 DUNIA, UMUM INISIATIF PEMBANGUNAN ATLET PELAPIS

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini meraikan kejayaan luar biasa **atlet tajaan MBPJ, Soh Wai Ching**, yang sekali lagi mengangkat nama negara selepas dinobatkan sebagai **Pelari Menara Nombor Satu Dunia** serta **Juara Keseluruhan Kejohanan Shanghai Tower Towerrunning Challenge** di **Shanghai Tower, China**. Kejayaan itu diraih selepas beliau menamatkan larian setinggi **119 tingkat (552 meter)** dengan catatan masa **18 minit 3 saat**, seterusnya mengukuhkan reputasinya sebagai atlet larian menara terbaik dunia.

Sepanjang musim 2025, atlet berusia 31 tahun itu telah menyertai **29 kejohanan** larian menara di pelbagai negara dan berjaya meraih **23 gelaran juara**, termasuk mencipta **13 rekod kejohanan baharu**. Dengan mengungguli kejohanan utama antarabangsa di Poland, Austria, Malaysia dan China, beliau mengumpul **1,420 mata**, jauh mengatasi pencabarnya dari Jepun, Ryoji Watanabe yang mencatatkan 1,214 mata.

Menurut beliau, tajaan tahun 2025 telah berjaya mencapai sasaran strategik berikut:

Fasa 1

1. **Mengekalkan Soh Wai Ching** sebagai pelari menara nombor satu dunia.
2. Menjadikan **Menara MBPJ** sebagai **Pusat Latihan Rasmi Malaysia Tower Running**, yang diiktiraf di peringkat nasional.

Memasuki **Fasa 2**, MBPJ memberi tumpuan kepada pembangunan bakat pelapis melalui **program pencarian atlet remaja berumur 10 tahun hingga 17 tahun**. **Menara MBPJ** dipilih sebagai lokasi rasmi pemilihan, dengan **Soh Wai Ching** mengetuai penilaian melibatkan **15 peserta lelaki** dan **15 peserta perempuan** terpantas. Masa kelayakan ditetapkan pada **2 minit 15 saat (lelaki)** dan **3 minit 15 saat (perempuan)** sebagai penanda aras pemilihan.

Sebagai atlet tajaan MBPJ, Soh Wai Ching turut komited mengendalikan **klinik latihan khusus untuk remaja**, bagi memperluas penyertaan dan melahirkan pelapis berdaya saing. Program pemilihan ini dilaksanakan melalui kerjasama **Pejabat Pendidikan Daerah Petaling dan kelab-kelab remaja dan sukan** dengan MBPJ sebagaiurus setia utama. Inisiatif ini dijangka mengangkat Petaling Jaya sebagai **hab pembangunan sukan larian menara di Malaysia**.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

MBPJ turut mengumumkan pengumuman ***Festival Tower Running*** pada **20 Disember (Sabtu)** bersempena program Leisure @PJ State 52. Leisure @PJ State 52 yang berlangsung pada setiap Sabtu, jam 6.00 petang hingga Ahad, jam 3.00 petang sejak Oktober 2023 terus mendapat sambutan sebagai ruang riadah tanpa kenderaan bermotor, merangkumi aktiviti sukan, kekeluargaan dan komuniti. Antara tarikan utamanya ialah acara *Tower Running* yang semakin digemari oleh orang awam.

1. Pengumuman rasmi Malaysia Book of Records bagi pengumuman **Klinik Larian Menara melebihi 100 minggu berturut-turut**, yang dijalankan setiap hari Sabtu, jam 4.00 petang hingga 7.00 malam.
2. **Klinik intensif** bersama Pelari Menara Nombor Satu Dunia, terbuka kepada remaja berumur 10 hingga 17 tahun.
3. Perasmian ***Star Climb Machine*** di Lobi Menara MBPJ sebagai fasiliti latihan utama Malaysia Towerrunning Associate (MTA).
4. Pembukaan pendaftaran rakan strategik bagi penyertaan dalam **Projek Mural Menegak Menara MBPJ (*MBPJ Tower Vertical Mural Project*)**.

MBPJ percaya bahawa kejayaan **Soh Wai Ching** bukan sahaja mencerminkan kecemerlangan sukan negara, malah menjadi **inspirasi kepada generasi muda**. Usaha pembangunan bakat yang dirangka diharap mampu memperkukuh kedudukan Petaling Jaya sebagai **hab utama sukan larian menara**, sekali gus melahirkan lebih ramai atlet profesional pada masa hadapan.

MBPJ menyeru remaja berusia 10 hingga 17 tahun yang berminat untuk menceburi sukan larian menara agar hadir pada 20 Disember bagi sesi ujian bersama Pelari Menara Nombor Satu Dunia, Soh Wai Ching. Bagi korporat, agensi dan individu yang berminat menjadi rakan strategik bagi Projek Mural Menegak Menara MBPJ, penyertaan anda amat dialu-alukan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media

Unit Komunikasi Korporat,

Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (102)

Tarikh: 6 Disember 2025

13 KOMUNITI DIRAIKAN DALAM MAJLIS PELANCARAN VLR & SDG CITY ROADMAP SERTA PENYAMPAIAN HADIAH ANUGERAH PJSSR 2025

Petaling Jaya, 6 Disember 2025 – Seramai 13 komuniti diraikan dalam Majlis Penyampaian Hadiah Anugerah Komuniti *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient (PJSSR) 2025* yang berlangsung di Laman MBPJ hari ini. Penganugerahan tersebut mengiktiraf inisiatif dan komitmen komuniti dalam menyokong agenda bandar pintar, mampan dan berdaya tahan di Petaling Jaya

Majlis ini telah disempurnakan oleh **Datuk Bandar Petaling Jaya, YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon**, yang menegaskan bahawa kekuatan komuniti menjadi asas penting dalam transformasi bandar.

“Kejayaan komuniti membuktikan bahawa transformasi bandar bermula dari peringkat akar umbi,” jelas beliau.

Komuniti sebagai pemacu pembangunan mampan

Datuk Bandar turut memaklumkan bahawa penerima anugerah memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembangunan mampan melalui pelbagai program seperti:

- Inisiatif keselamatan kejiaran;
- Pembangunan kebun komuniti;
- Pengkomposan sisa makanan;
- Pendidikan komuniti serta
- Program perpaduan dan sosial setempat.

Pelancaran VLR 2025 & SDG City Roadmap

Dalam majlis yang sama, turut dilancarkan **Laporan Kajian Penilaian Tempatan Secara Sukarela (Voluntary Local Review – VLR) 2025** dan **Halatuju Pembangunan Mampan Petaling Jaya (SDG City Roadmap)** — dua (2) dokumen utama yang menjadi rujukan dalam pelaksanaan **Agenda 2030** di peringkat bandar.

MBPJ menegaskan komitmen untuk terus **mengarusperdanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** melalui pendekatan berasaskan data, ketelusan keputusan serta kesediaan memperbaiki kelemahan sedia ada.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

Pelancaran VLR menandakan kesiapsiagaan MBPJ melaporkan pencapaian sebenar 17 SDG, manakala SDG City Roadmap menyediakan strategi hingga 2030. Roadmap tersebut menggariskan lima keutamaan silang yang memerlukan tindakan segera dan kolaboratif:

1. Kemiskinan bandar & ketidaksamarataan ekonomi
2. Tekanan alam sekitar
3. Akses kesihatan & pembelajaran awal
4. Keterjangkauan perumahan & ketidaksamarataan spatial
5. Pengukuhan tadbir urus data

Inisiatif Utama di Bawah SDG City Roadmap

Beberapa pelaksanaan strategik turut diumumkan, termasuk:

- Pelantikan **SDG Focal Point** di setiap jabatan dan program latihan SDG bersama Urbanice Malaysia serta university;
- Pelaksanaan **Urban Income Lab** bagi mencari penyelesaian isu kemiskinan bandar, jurang pendapatan dan kos sara hidup;
- Peningkatan penyediaan **kediaman mampu milik**, khususnya bagi golongan B40, warga emas dan OKU;
- Pengukuhan sistem pengangkutan rendah karbon melalui **Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya 2.0**;
- Pemerkasaan pembiayaan mampan melalui **SDG Tagging** dan pemanfaatan dana negeri serta persekutuan untuk projek perumahan, iklim, digitalisasi dan pengurusan sisa;
- Penubuhan **SDG Partnership Facility / Innovation Fund** bagi merencanakan kolaborasi bandar dan menyokong projek komuniti berimpak tinggi;
- Pembangunan **PJ SDG Dashboard** untuk pemantauan kemajuan masa nyata, audit indikator SDG dan penggunaan analitik AI bagi pengesanan risiko bandar.

Seruan Kerjasama Menjelang 2030

Di akhir ucapan, Datuk Bandar menyeru penyertaan meluas daripada masyarakat, sektor swasta, akademik, NGO serta kumpulan rentan seperti wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU bagi memastikan kejayaan agenda SDG di Petaling Jaya.

“VLR memberi kita gambaran sebenar, *SDG Roadmap* memberi kita hala tuju, komuniti memberi kita kekuatan dan kerjasama memberi kita harapan,” katanya.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (103)

Tarikh: 9 Disember 2025

JURANG DIGITAL DIPERKECIL: MBPJ PERKASAKAN PELAJAR B40 MELALUI PROGRAM LIT & LITs 2025

Petaling Jaya, 9 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus memperkukuh agenda pendidikan inklusif melalui penganjuran **Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Kursus/Penyertaan Program Lifelong Learning IT (LIT) dan Lifelong Learning IT Soft Skills (LITs) 2025** yang berlangsung di Ruang Rama Event Space, Petaling Jaya. Majlis disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Program LIT dan LITs merupakan inisiatif tahunan Unit Teknologi Maklumat MBPJ bagi menyediakan **akses pendidikan berkualiti** kepada pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah, khususnya dalam bidang teknologi maklumat dan kemahiran abad ke-21. Sejak diperkenalkan tujuh (7) tahun lalu, sebanyak 491 pelajar B40 telah menerima manfaat daripada program ini.

Tahun 2025 menyaksikan peluasan penyertaan apabila SJKT Vivekananda dan SJKC Yuk Chyun menyertai Program LIT, manakala SMK Bandar Utama Damansara 4 (SMKBUD4) terlibat dalam Program LITs dengan memberi tumpuan kepada penyertaan pelajar Orang Asli. Langkah ini menegaskan komitmen MBPJ dalam memastikan peluang pembelajaran saksama merentas komuniti.

Di bawah Program LIT, seramai **80 pelajar sekolah rendah** mengikuti empat sesi pembelajaran asas literasi digital yang dikendalikan oleh **18 tenaga pengajar IT MBPJ**. Modul ini menumpukan pendedahan awal kepada kemahiran digital sebagai asas pembentukan kompetensi teknologi.

Program LITs pula melibatkan **40 pelajar B40** dari tiga sekolah menengah yang mengikuti lima (5) sesi latihan penyelenggaraan dan pembaikan komputer. Peserta turut menjalani ujian amali pemasangan komponen komputer sebagai penilaian akhir kursus.

Majlis turut menyampaikan **Anugerah Pelajar Cemerlang** kepada **Kumpulan Squad X** atas komitmen dan kecemerlangan mereka sepanjang program. Selain itu, MBPJ menyerahkan **satu (1) unit komputer** kepada setiap sekolah terlibat dalam LITs sebagai sokongan tambahan kepada usaha pendidikan digital mereka.

Secara keseluruhan, **35 sesi latihan** telah dilaksanakan dari **6 Mei hingga 18 November 2025** merangkumi kedua-dua program. Sepanjang tempoh ini, para peserta menunjukkan



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjccitycouncil](#)

perkembangan ketara bukan sahaja dalam kemahiran digital dan *soft skills*, tetapi juga dalam aspek keyakinan diri, komunikasi, daya tahan, serta kemampuan belajar secara sendiri selaras dengan aspirasi melahirkan generasi lifelong learners.

Penyertaan SJKC Yuk Chyun turut mencatat detik penting apabila menjadi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) kedua menyertai program selepas SJKT Vivekananda, melambangkan usaha MBPJ dalam memperluas akses pendidikan berkualiti tanpa mengira latar belakang.

MBPJ komited untuk terus merapatkan jurang digital serta memperkasa pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan melalui penyediaan peluang pembelajaran yang relevan dan berimpak. Inisiatif seperti LIT dan LITs akan terus diperkasa bagi memastikan generasi muda Petaling Jaya bersedia menghadapi cabaran dunia digital masa kini dan masa depan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (104)

Tarikh: 12 Disember 2025

MBPJ UMUM LANCAR PUBLISITI AWAL CADANGAN DRAF RTPJ (PENGgantian), LANGKAH STRATEGIK PACU MASA HADAPAN PETALING JAYA

Petaling Jaya, 12 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini mengumumkan pelaksanaan **Publisiti Awal Cadangan Draf Rancangan Tempatan Petaling Jaya (Penggantian)** yang akan diadakan mulai **15 Disember 2025 hingga 16 Februari 2026**. Pengumuman tersebut dibuat oleh YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, semasa Majlis *Soft Launch* dan Sidang Akhbar Publisiti Awal Cadangan Draf RTPJ (Penggantian) di Ibu Pejabat MBPJ.

Pelancaran ini memaklumkan kepada orang awam bahawa MBPJ telah memulakan penyediaan **Draf RTPJ (Penggantian)** sejak **11 Jun 2025**, dengan keseluruhan proses dijangka siap sehingga pewartaan pada **10 November 2026**. Dokumen baharu ini akan menggabungkan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ1) dan Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2) dalam satu plan komprehensif yang lebih selaras dengan keperluan pembangunan bandar raya masa kini.

Empat (4) Peringkat Penyediaan Rancangan Tempatan

Dalam ucapannya, Datuk Bandar menjelaskan bahawa penyediaan Rancangan Tempatan melibatkan **empat (4) peringkat utama** iaitu:

- i. Mobilisasi;
- ii. Penyediaan Draf RT Penggantian;
- iii. Pemeriksaan, Siasatan Tempatan dan Pendengaran;
- iv. Pewartaan dan Pembatalan.

“MBPJ kini berada di **Peringkat 2**, iaitu Penyediaan Draf Rancangan Tempatan, yang turut merangkumi pelaksanaan Publisiti Awal di bawah Seksyen 12A Akta 172 bagi mendapatkan pandangan awal daripada masyarakat,” katanya.

Matlamat Strategik RTPJ (Penggantian)

Menurut Datuk Bandar, RTPJ (Penggantian) merupakan plan pembangunan jangka panjang untuk memperkukuh kedudukan Petaling Jaya sebagai bandar raya inklusif, sejahtera dan berdaya saing. Antara objektif utamanya ialah:

- i. Menyemak dan menyelaras hala tuju pembangunan sejajar dasar antarabangsa, persekutuan dan negeri;



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil

- ii. Mengoptimumkan guna tanah serta mengenal pasti kawasan berpotensi bagi pembangunan masa hadapan;
- iii. Menerapkan pendekatan perancangan moden dan mampan merangkumi mobiliti, ruang hijau, ekonomi dan kesejahteraan komuniti;
- iv. Memperkukuh identiti dan daya saing bandar agar lebih progresif dan berdaya huni;
- v. Memelihara serta meningkatkan kualiti alam sekitar melalui pengurangan jejak karbon, pengurusan risiko iklim, peningkatan ruang hijau dan inisiatif bandar rendah karbon;
- iv. Mengenal pasti tapak berpotensi bagi pembangunan masa depan yang lebih tersusun.

Platform Libat Urus Awam

Pelaksanaan Publisiti Awal Seksyen 12A Akta 172 berfungsi sebagai platform hebahan kepada masyarakat bahawa proses penyediaan draf telah bermula, di samping membuka ruang kepada orang awam dan pemegang taruh untuk memberi pandangan, cadangan serta mengenal pasti isu tempatan yang perlu diberi perhatian.

Sepanjang **tempoh publisiti** selama **dua (2) bulan** ini, MBPJ menyediakan:

- i. **Pameran khas** di lobi Ibu Pejabat MBPJ;
- ii. **Borang maklum balas** untuk pengumpulan cadangan oleh orang ramai;
- iii. **Taklimat Cadangan Draf RTPJ (Penggantian)** pada pertengahan Januari 2026;
- iv. **Portal e-Publisiti** untuk akses maklumat berkaitan dan memuat turun borang cadangan.

Datuk Bandar turut mengajak komuniti, pemilik tanah dan pemegang taruh untuk mengambil peluang menyampaikan pandangan bagi memastikan draf RTPJ (Penggantian) disusun secara menyeluruh, seimbang dan sejajar aspirasi warga Petaling Jaya.

MBPJ berharap program ini menjadi platform libat urus efektif dalam menambah baik Rancangan Tempatan (Penggantian) serta menjadi pemangkin pembangunan Petaling Jaya ke arah bandar raya yang mampan, progresif dan berdaya huni.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-7958269



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL. Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (105)

Tarikh: 18 Disember 2025

MBPJ LANCAR PELAN INDUK PENGANGKUTAN PETALING JAYA 2.0, PERKUKUH AGENDA MOBILITI LESTARI BANDAR

Kuala Lumpur, 18 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini melancarkan **Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya 2.0 (PIP 2.0)** sempena penganjuran **Forum Pengangkutan Lestari**, sebagai langkah strategik memperkuat sistem mobiliti bandar yang mampan, inklusif dan berorientasikan rakyat.

Majlis perasmian **Forum Pengangkutan Lestari dan Pelancaran Pelan Induk Pengangkutan Petaling Jaya (Pip) 2.0** telah disempurnakan oleh **YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Negeri Selangor**, bertempat di M Hotel & Resort, Kuala Lumpur. Forum ini menghimpunkan wakil agensi kerajaan, penggiat industri, pemain sektor pengangkutan awam serta barisan pegawai MBPJ.

Menurut YB Tuan Ng Sze Han, pelancaran PIP 2.0 mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam merangka perancangan mobiliti bandar yang progresif, responsif dan selari dengan cabaran semasa termasuk perubahan iklim, pertumbuhan bandar yang pesat serta keperluan mobiliti yang lebih saksama.

“Sebagai sebuah bandar matang dengan corak pembangunan yang kompleks, Petaling Jaya berdepan pelbagai cabaran pengangkutan termasuk kebergantungan tinggi terhadap kenderaan persendirian, kesesakan lalu lintas pada waktu puncak, isu pengurusan tempat letak kenderaan serta ketersambungan perjalanan *first mile–last mile*. PIP 2.0 dirangka bagi menangani isu-isu ini secara menyeluruh dan berfasa,” katanya.

Beliau menegaskan bahawa PIP 2.0 bukan sekadar dokumen perancangan, sebaliknya merupakan pelan tindakan strategik yang menterjemahkan aspirasi masa depan Petaling Jaya kepada inisiatif yang praktikal dan boleh dilaksanakan di peringkat tempatan.

PIP 2.0 merangkumi **tujuh (7) pelan tindakan, 16 strategi pembangunan dan 40 inisiatif pelaksanaan**, melibatkan penambahbaikan pengurusan lalu lintas termasuk kenderaan perdagangan, pengukuhan jaringan pengangkutan awam, penyediaan laluan pejalan kaki dan mikromobiliti yang bersambung, serta pengurusan tempat letak kenderaan yang lebih berkesan.

Pelan ini turut diselaraskan dengan hala tuju Kerajaan Negeri Selangor yang sedang menyediakan Pelan Induk Mobiliti Selangor, dengan penekanan terhadap peningkatan ketersambungan pengangkutan awam melalui konsep *first mile–last mile*, galakan *active mobility* serta penggunaan mod pengangkutan rendah karbon bagi meningkatkan kualiti hidup



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

penduduk bandar.

MBPJ menegaskan bahawa kejayaan pelaksanaan PIP 2.0 memerlukan kerjasama erat pelbagai pihak termasuk agensi pengangkutan seperti Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), penyedia perkhidmatan pengangkutan awam, sektor swasta serta penglibatan aktif komuniti setempat.

Datuk Bandar Petaling Jaya, YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon dalam ucapannya turut menegaskan bahawa perubahan tingkah laku mobiliti tidak boleh berlaku secara bersendirian dan memerlukan sokongan serta kepercayaan rakyat terhadap sistem yang disediakan bagi memastikan PIP 2.0 mencapai impak yang dihasratkan.

MBPJ optimis PIP 2.0 akan menjadi panduan perancangan mobiliti bagi tempoh 10 tahun akan datang, selain berfungsi sebagai pelan tindakan setempat yang menterjemahkan dasar dan pelan strategik Kerajaan Negeri ke peringkat pelaksanaan, serta berpotensi menjadi model rujukan kepada pihak berkuasa tempatan lain di Selangor.

Majlis turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor dan semua rakan strategik atas sokongan berterusan dalam menjayakan agenda mobiliti bandar yang mampan demi kesejahteraan warga Petaling Jaya, kini dan masa hadapan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (106)

Tarikh: 18 Disember 2025

MBPJ PERKENAL PENAMBAHBAIKAN 13 GARIS PANDUAN BAHARU AKTIVITI PERNIAGAAN DI PETALING JAYA

Petaling Jaya, 18 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini memaklumkan pelaksanaan penambahbaikan melibatkan **13 garis panduan baharu dan sedia ada** berkaitan aktiviti perniagaan di Petaling Jaya, selaras dengan perubahan landskap ekonomi, sosial dan model perniagaan semasa. Perkara tersebut dimaklumkan menerusi **Sidang Media Penambahbaikan Permohonan dan Garis Panduan Baharu Jabatan Pelesenan, Pembangunan Perniagaan dan Usahawan** yang berlangsung di **Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ**.

Penambahbaikan ini merangkumi aktiviti hiburan, pusat siber kafe, *pet café*, *mini zoo*, pet krematorium dan pusat memperingati haiwan, perniagaan rokok elektronik dan cecair rokok elektronik, perniagaan dalam talian di kawasan kediaman, bengkel di kawasan komersial, pusat cuci kenderaan, penggajian warga asing bagi usahawan mikro, fi lesen iklan sementara serta pemberian insentif penggunaan *generator* mesra alam di bawah Program Rendah Karbon dan Alam Sekitar.

Menurut MBPJ, langkah ini dibuat selaras **dengan Perkara 101(ff) dan Perkara 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976**, yang memberi kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk menggubal, menyelia dan menguatkuasakan peraturan bagi mengawal selia aktiviti perniagaan yang boleh memberi kesan kepada keselamatan, kesihatan awam dan ketenteraman masyarakat.

Penyesuaian Dasar Seiring Perubahan Landskap Perniagaan

MBPJ menjelaskan bahawa kemunculan aktiviti perniagaan baharu seperti *pet café*, *mini zoo*, pet krematorium serta perkembangan industri rokok elektronik memerlukan satu rangka garis panduan yang jelas, komprehensif dan relevan dengan keadaan semasa.

Selain itu, MBPJ turut berdepan isu berkaitan perubahan waktu operasi premis berisiko tinggi seperti pusat hiburan dan pusat siber, susulan 131 kompaun dan empat (4) sitaan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Penguatkuasaan MBPJ.

Sehubungan itu, MBPJ telah melaksanakan **laparan (8) penambahbaikan punca kuasa** dan mewujudkan **lima (5) garis panduan baharu**, hasil kajian menyeluruh serta libat urus bersama pemegang taruh.

Libat Urus dan Penandaarasan Antarabangsa

Bagi memastikan dasar yang dibangunkan bersifat praktikal dan seimbang, MBPJ telah mengadakan beberapa **siri bengkel** bermula **7 hingga 9 Mei 2025** melibatkan Ahli Majlis, jabatan



teknikal dalaman dan agensi luar seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Jabatan Perhilitan Negeri Selangor serta Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, sesi libat urus bersama pengusaha turut diadakan pada **4 Ogos 2025** bagi mendapatkan maklum balas industri.

MBPJ bersama Kerajaan Negeri Selangor juga telah menjalankan **Lawatan Penandaarasan** ke **Tokyo Metropolitan Government (TMG)** pada **17 hingga 23 September 2025**, khususnya berkaitan pengawalseliaan aktiviti *pet café* dan *mini zoo*. Hasil lawatan mendapati kawalan kebajikan haiwan dan pengasingan ruang pengunjung merupakan elemen penting yang diterapkan di peringkat antarabangsa.

Kategori Garis Panduan dan Insentif

Penambahbaikan ini melibatkan **tiga (3) komponen utama**, iaitu:

1. Penambahbaikan garis panduan sedia ada, termasuk tempoh operasi pusat hiburan dan pusat siber, aktiviti pusat cuci kenderaan, perniagaan dalam talian di kawasan kediaman, bengkel di kawasan komersial, aktiviti pendidikan, penggajian pekerja warga asing bagi usahawan mikro serta fi lesen iklan sementara.
2. Pewujudan garis panduan baharu bagi aktiviti yang tidak tersenarai di bawah Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBPJ) 2007, di bawah Perkara 54, dengan kadar bayaran lesen maksimum tidak melebihi RM1,000, melibatkan aktiviti *pet café*, *mini zoo*, *pet krematorium*, pusat memperingati haiwan serta perniagaan rokok elektronik dan cecair rokok elektronik.
3. Pemberian **insentif rebat RM150** kepada **500 pemegang lesen pasar malam terawal** yang menggunakan *generator* mesra alam atau *portable battery power stations*, sebagai usaha mengurangkan pencemaran bunyi dan menyokong agenda bandar rendah karbon. Insentif ini akan dilaksanakan bermula Januari 2026.

Pelaksanaan Berperingkat

MBPJ memaklumkan bahawa beberapa cadangan melibatkan dasar Kerajaan Negeri dan Persekutuan akan ditangguhkan sementara sehingga keputusan dasar muktamad diperoleh, bagi memastikan keseragaman pendirian dan pelaksanaan.

Manakala, garis panduan bagi aktiviti **pet krematorium** dan pusat memperingati haiwan dijadualkan untuk dilaksanakan mulai **Januari 2026**, dengan penetapan syarat ketat melibatkan aspek alam sekitar, keselamatan, kebajikan haiwan dan kebersihan awam.

Hala Tuju MBPJ Tahun 2026

Bagi tahun 2026, MBPJ akan meneliti **lapan (8) lagi penambahbaikan dasar dan garis panduan**, antaranya melibatkan permit kerusi meja, gerai kaki lima, bengkel kenderaan, restoran bersebelahan bengkel dan kedai haiwan, gimnasium 24 jam serta penyeragaman pelesenan aktiviti dalam satu premis. MBPJ juga menyasarkan proses **pelesenan usahawan mikro** dapat diselesaikan dalam tempoh **14 hari**.

Komitmen MBPJ

MBPJ menegaskan komitmen untuk terus berperanan sebagai pemudah cara pembangunan ekonomi tempatan tanpa menjejaskan aspek kawal selia, keselamatan dan kesejahteraan awam. Inisiatif ini selari dengan **Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**, khususnya SDG 1 (Tiada Kemiskinan), SDG 8 (Kerja yang Decent dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 10 (Pengurangan Ketidaksamaan) dan SDG 11 (Bandar dan Komuniti Lestari).

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: pjcitycouncil,
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (107)

Tarikh: 20 Disember 2025

MBPJ CIPTA REKOD MBOR, PETALING JAYA DIANGKAT SEBAGAI HAB LARIAN MENARA NEGARA

Petaling Jaya, 20 Disember 2025 – Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mencipta satu lagi pencapaian bersejarah apabila menerima pengiktirafan **Malaysia Book of Records (MBOR)** atas kejayaan menganjurkan **Klinik Larian Menara MBPJ melebihi 100 minggu berturut-turut**, sekali gus mengangkat Petaling Jaya sebagai hab larian menara negara.

Pengiktirafan tersebut disampaikan kepada **YBhg. Dato' Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya**, sempena penganjuran **Program Tower Run, Penyerahan Sijil MBOR dan Program Pencarian Atlet Remaja MBPJ** yang berlangsung di Lobi Menara MBPJ, hari ini.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan MBPJ dalam mempromosikan gaya hidup sihat bandar, memperkukuh penglibatan komuniti serta membangunkan ekosistem sukan berprestasi tinggi yang inklusif dan mampan.

Sebagai langkah strategik memperkukuh sukan larian menara, MBPJ turut menyokong **En. Soh Wai Ching, Pelari Menara Nombor Satu Dunia** dan **Duta MBPJ**, dengan menjadikan **Menara MBPJ** sebagai **Pusat Latihan Rasmi Malaysia Tower Running**. Kerjasama ini membuka ruang kepada perkongsian ilmu dan kepakaran menerusi klinik serta **bengkel “Jom Naik Tangga”** kepada masyarakat umum.

Dalam usaha melahirkan atlet pelapis, MBPJ turut menganjurkan **Program Pencarian Atlet Remaja** melibatkan golongan berusia 10 hingga 17 tahun, dengan pemilihan rasmi diketuai oleh En. Soh Wai Ching. Program ini terbuka kepada remaja baharu dan bukan atlet elit, menjadikan Menara MBPJ sebagai platform pencarian bakat dan medan mencabar diri.

MBPJ juga melaksanakan **Projek Mural Menegak Menara MBPJ** bagi memperindah landskap bandar serta memperkukuh identiti Petaling Jaya sebagai bandar kreatif, selari dengan pencapaian ***Emerald Award – My Place Award 2025***.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.facebook.com/pjcitycouncil)

Program Tower Running & Leisure @ PJ State 52, yang berlangsung setiap Sabtu, jam 6.00 petang hingga Ahad, jam 3.00 petang sejak **Oktober 2023** terus diangkat sebagai platform untuk memupuk gaya hidup sihat, menyatukan komuniti, memeriahkan bandar serta merealisasikan aspirasi menjadikan Petaling Jaya sebagai Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, X: [pjcitycouncil](#), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتاليغ جاي

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (108)

Tarikh: 27 Disember 2025

MAKLUM BALAS STATUS CADANGAN LOJI PEMBANCUH KONKRIT SEMENTARA.

Merujuk kepada aduan penduduk berhubung cadangan mendirikan loji pembancuh konkrit sementara berhampiran kawasan perumahan serta Kolej Tingkatan Enam, Petaling Jaya (KTEPJ) adalah berkaitan.

MBPJ ingin menjelaskan bahawa cadangan mendirikan loji pembancuh konkrit sementara di lokasi berkenaan telah diluluskan secara dasar selepas melalui penilaian terperinci oleh jabatan-jabatan teknikal berkaitan.

Walau bagaimanapun, surat kelulusan rasmi berserta syarat-syarat terperinci masih dalam proses penyediaan dan belum dikeluarkan, dan sebarang operasi hanya dibenarkan setelah semua syarat dipatuhi sepenuhnya.

Keputusan ini dibuat berdasarkan keperluan projek serta pematuhan kepada undang-undang dan garis panduan yang berkuat kuasa.

MBPJ menegaskan bahawa sebarang kelulusan adalah bersifat sementara dan tertakluk kepada kawalan ketat, termasuk had tempoh operasi, kawalan waktu, laluan pergerakan lori, langkah mitigasi alam sekitar serta pemantauan berterusan oleh pihak berkuasa.

Sekiranya didapati operasi tersebut menjejaskan aspek keselamatan, kesihatan awam atau ketenteraman penduduk, MBPJ akan mengambil tindakan tegas termasuk menarik balik kelulusan yang telah diberikan.

Selain itu, MBPJ ingin menjelaskan bahawa sekiranya cadangan ini tidak diluluskan, kawalan terhadap kemasukan jentera pembancuh simen dari kawasan luar akan menjadi lebih sukar untuk dilaksanakan.



Keadaan ini berisiko menyebabkan pergerakan lori yang lebih banyak dan tidak terkawal di kawasan berkenaan, sekali gus berpotensi menimbulkan kesesakan trafik, risiko keselamatan jalan raya serta gangguan kepada ketenteraman komuniti setempat.

MBPJ komited untuk memastikan kesejahteraan penduduk sentiasa menjadi keutamaan dan akan terus mengambil pendekatan seimbang antara keperluan pembangunan dan kepentingan komuniti.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695